

26 NOV 1999

Rusia

RUSIA SERTAI PAMERAN ANTARABANGSA MARITIM DAN UDARA LANGKAWI

LANGKAWI, 26 Nov (Bernama) -- Rusia dan bekas republik Soviet Union, kumpulan peserta dari luar negara yang terbesar menyertai Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) '99, akan membawa bersama-sama mereka sebahagian daripada kelengkapan paling sofistikated yang terdapat pada hari ini, termasuk pesawat pejuang Sukhoi 30KI.

Pesawat moden itu yang dibina oleh KNAAPO dari Rusia akan mengadakan penerbangan pertunjukan semasa berlangsungnya LIMA '99 dari 30 Nov hingga 5 Dis.

Jurucakap KNAAPO di sini Puan Ridana Abdul Ghani memberitahu Bernama hari ini bahawa pesawat itu dijadual tiba di lapangan terbang antarabangsa di sini hujung minggu ini.

Beliau berkata pesawat Su-30KI adalah versi terbaru daripada pesawat pejuang Su-27 dengan pengenalan sistem baru yang termasuk pengisian minyak di udara.

Sukhoi 27 digunakan oleh beberapa pasukan tentera udara di seluruh dunia, termasuk Rusia, Vietnam dan China.

Ridana berkata pesawat pejuang lain yang akan dipamerkan di sini termasuk Su-30K, Su-30KI dan Su-25UBK, yang akan terbang buat kali pertama di ruang udara Langkawi.

Beliau berkata pesawat Su-30KI mempunyai keupayaan dua kali ganda berbanding kemampuan pesawat F-16 Falcon dan F/A-18 buatan Amerika Syarikat, dan ia juga didakwa lebih baik daripada pesawat paling canggih Amerika Syarikat, Eagle F-15.

LIMA setakat ini telah menarik 300 syarikat antarabangsa bagi segmen maritim dan 700 syarikat bagi bahagian aeroangkasa yang dijadualkan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1 Dis.

Segmen aeroangkasa akan diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di Padang Matsirat manakala segmen maritim diadakan di Tanjung Malai, di sini.

Pasukan aerobatik dari Britain, Rusia dan Australia akan juga mengambil bahagian di dalam pameran itu.

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan turut menghantar pasukan aerobatiknya yang terdiri daripada pesawat MiG-29N buatan Rusia dan pesawat F/A-18D buatan Amerika Syarikat untuk LIMA 99'.

Pasukan aerobatik itu baru-baru ini mempamerkan persembahan semasa perlumbaan Grand Prix Formula Satu di Sepang baru-baru ini.

-- BERNAMA

GM AKD